

PULAU PINANG, 8 OKT. (BERNAMA) -- PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS SEBUAH BADAN PROFESYENAL YANG CUBA MENJADIKAN SISTEM UNDANG-UNDANG NEGARA SEBAGAI SATU ISIU POLITIK.

KATANYA, SEKIRANYA SISTEM UNDANG-UNDANG NEGARA DIJADIKAN ISIU POLITIK MAKA IA HANYA AKAN MENGHANCURKAN SISTEM UNDANG-UNDANG DAN SISTEM KEHAKIMAN NEGARA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENINGATKAN BADAN TERSEBUT BAHAWA SISTEM UNDANG-UNDANG NEGARA INI DIGUBAL MENGIKUT LUNAS-LUNAS DEMOKRASI DENGAN SUARA RAMAI.

BELIAU KEMUDIAN MEMBIDAS TINDAKAN BADAN PROFESYENAL TERSEBUT YANG HENDAK MEMBOIKOT SISTEM UNDANG-UNDANG SEBAGAI SATU LANGKAH YANG KURANG SIHAT DAN TIDAK SEPATUTNYA DILAKUKAN.

+SEKIRANYA MEREKA INGIN MENJADIKAN SISTEM UNDANG-UNDANG SEBAGAI ISIU POLITIK, ELOKLAH MEREKA MENUBUHKAN SATU PARTI POLITIK DAN MELAWAN DENGAN KITA DALAM PILIHANRAYA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI PERAYAAN MENYAMBUT ULANG TAHUN KE 31 UMNO ANJURAN UMNO CAWANGAN KAMPUNG DODOL DI SINI.

KATANYA, BELIAU TIDAK PERLU MENYEBUT NAMA BADAN PROFESYENAL ITU TETAPI MEREKA SENDIRI AKAN TAHU SIAPA YANG BELIAU MAKSUDKAN ITU. - BERSAMBUJG 1945/1B

xx

B620

MAHATHIR -BIDAS 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN ORANG-ORANG ASING SUPAYA TIDAK PERLU DATANG KE MALAYSIA UNTUK MENASIHATKAN KERAJAN TENTANG SISTEM UNDANG-UNDANG NEGARA INI.

MEREKA ITU TIDAK MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMBERITAHU MALAYSIA TENTANG SISTEM UNDANG-UNDANG KERANA SISTEM UNDANG-UNDANG DI NEGARA MEREKA SENDIRI LEBIH BURUK.

KATANYA, SETENGAH DARIPADA MEREKA MENGAMALKAN PERBEZAAN KULIT ANTARA RAKYAT MEREKA SENDIRI DAN MALAYSIA TIDAK PERLU SEBARANG NASIHAT DARIPADA MEREKA ITU.

MALAYSIA MENGAMALKAN SISTEM UNDANG-UNDANG DAN KEHAKIMANNYA DENGAN BERLANDASKAN SISTEM DEMOKRASI, IAITU DENGAN SUARA RAMAI.

SISTEM UNDANG-UNDANG DAN KEHAKIMAN MALAYSIA DIGUBAL DAN DILULUSKAN OLEH WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH OLEH RAKYAT SENDIRI, TEGAS BELIAU. -- BERSAMBUJG 1947/1B

MAHATHIR -BIDAS 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU TERMASUK GOLONGAN PROFESYENAL YANG CUBA MENJADI JAGUH DENGAN MENIMBULKAN ISIU-ISIU KEMISKINAN DIKALANGAN RAKYAT.

GOLONGAN-GOLONGAN TERSEBUT HANYA PANDAI BERCAKAP SAHAJA DAN TIDAK DAPAT MENJALANKAN APA YANG MEREKA PERJUANGKAN.

APABILA DITANYA BAGAIMANA MEREKA DAPAT MENGATASI MASALAH TERSEBUT, MEREKA BERKATA KERAJAN PATUT BUAT ITU DAN INI UNTUK MENOLONG RAKYAT MISKIN.

GOLONGAN TERSEBUT SEPATUTNYA BERTERIMA KASIHKEPADA UMNO YANG MENGAMALKA SISTEMDEMOKRASI KERANA MEREKA BOLEH BERSUARA PADA HARI INI.

SEKIRANYA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG MULA-MULA MENUBUHKAN UMNO DAN MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN TIDAK MEMILIH SISTEM DEMOKRASI GOLONGAN TERSEBUT MUNGKIN TIDAK BOLEH BEBAS MENGELUARKAN UCAPAN SEDEMIKIAN TAMBAHNYA. - BERNAMA 1953/1B